

18 produk inovasi UMS raih emas

Universiti kenal pasti hasil penyelidikan, penemuan baru berpotensi dikomersial

KOTA KINABALU: Sebanyak 18 daripada 244 hasil penyelidikan dan produk inovasi yang dihasilkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima pingat emas Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (Pereka) 2010 anjuran universiti itu awal bulan ini.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Rosnah Ismail, berkata tujuh pingat emas adalah bagi projek inovasi dan 11 lagi untuk projek penyelidikan yang dilaksanakan saintis dan penyelidik UMS sepanjang tahun lalu.

Selain pingat emas, katanya, UMS turut memberi pingat perak dan gangsa kepada 137 hasil penyelidikan dan produk inovasi yang lain dengan masing-masing 38 pingat perak dan 99 pingat gangsa.

"Jumlah penyertaan dalam Pereka tahun ini bertambah sebanyak 43 berbanding 201 pada 2009. Selain mengetengahkan hasil penyelidikan dan reka cipta penyelidik UMS, pertandingan ini juga bertujuan mengenal pasti penemuan baru yang boleh dikomersialkan."

"Pada masa sama, kita menjadikan pertandingan ini untuk mencari hasil penyelidikan yang boleh diperlakukan pada peringkat nasional dan antarabangsa pada mana-mana pertandingan inovasi yang diadakan di negara ini atau di luar negara," katanya di sini, kelmarin.

Antara projek inovasi yang mendapat pingat emas dalam Pereka 2010, katanya, ialah penghasilan alat bantuan



DR ROSNAH (duduk empat dari kiri) bersama sebahagian penyelidik UMS yang menerima pingat emas pada Pereka 2010.

mengajar sains klinikal dan matematik, perisian komputer penyimpanan data hospital dan klinik serta penghasilan alat penuaan rumpai laut untuk menghasilkan rumpai laut yang berkualiti.

Bagi projek penyelidikan, katanya, antara yang mendapat pingat emas ialah hasil kajian Pendekatan Molekul Pengurusan Pertumbuhan

Alga Berbahaya (HABS) di Sabah dan Kaedah Pengesanan Segera untuk Kulat Penyebab Penyakit Dalam Akar Kelapa Sawit.

"Semua hasil kajian dan inovasi yang mendapat pingat emas dalam Pereka kali ini akan mewakili UMS pada pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di Jerman tahun ini," katanya.

pameran Bio Malaysia selepas itu.

"Mana-mana hasil penyelidikan dan inovasi yang berjaya mendapat pingat emas dalam pertandingan peringkat kebangsaan akan dipertaruhkan pada pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di Jerman tahun ini," katanya.

Sementara itu, beliau ber-

kata pihaknya akan mengenal pasti mana-mana hasil penyelidikan dan inovasi yang berpotensi dikomersialkan untuk dipatenkan sebagai harta intelek UMS bagi melindunginya daripada unsur plagiat.

Katanya, pihaknya mahu hasil inovasi dan penyelidikan UMS dikomersialkan supaya manfaatnya dapat

dinikmati masyarakat umum selain menjana sumber pendapatan kepada universiti.

"Beberapa hasil kajian yang mendapat pingat emas dalam Pereka tahun lalu juga sudah dikemukakan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk mendapatkan hak harta intelek sebelum dikomersialkan," katanya.